



**TEKS**

**KHUTBAH**

**NEGERI PAHANG**

**SIRI 05/2024**



## DOSA MENINGGALKAN SOLAT 5 WAKTU 03 Mei 2024 | 24 Syawal 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ  
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangannya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala**

Sesungguhnya solat lima waktu adalah salah satu ibadat yang wajib dan paling utama bagi umat Islam sehingga dia disebut sebagai tiang agama. Kewajipan mendirikan solat lima waktu telah diperintahkan oleh Allah Subhanahu wa Taala untuk ditunaikan pada waktu yang tertentu. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah An Nisa' ayat 103 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَوْقُوتًا



**Yang bermaksud:** *"Sesungguhnya solat itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan kepada orang yang beriman yang tertentu waktunya".*

Solat adalah amalan pertama yang akan dihisab oleh Allah Subhanahu wa Taala pada hari akhirat kelak. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi:

إِنَّ أَوَّلَ مَا يُحَاسَبُ بِهِ الْعَبْدُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مِنْ عَمَلِهِ صَلَاتُهُ فَإِنْ صَلَحَتْ فَقَدْ أَفْلَحَ وَأَنْجَحَ ، وَإِنْ فَسَدَتْ فَقَدْ خَابَ وَخَسِرَ

**Yang bermaksud:** *“Sesungguhnya amalan yang mula-mula dihisab pada seorang hamba pada hari kiamat (kelak) adalah solatnya. Maka, jika solatnya baik, sesungguhnya dia telah beruntung dan berjaya, dan jika solatnya rosak, sesungguhnya dia telah gagal dan rugi.”*

Hadis ini mengingatkan kita akan pentingnya menjaga solat, kerana segala amalan lain tidak dapat menyelamatkan kita daripada azab neraka jika kita gagal memelihara solat.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala**

Kedapatan masih ramai orang Islam yang meremehkan solat fardhu. Ada dalam kalangan mereka yang hanya melaksanakan solat sekali sehari, ada pula yang hanya melaksanakan solat sekali dalam seminggu iaitu solat Jumaat. Yang lebih parah lagi, tidak sedikit yang hanya ingat dan melaksanakan solat dalam setahun dua kali, iaitu ketika solat Aidilfitri dan

solat Aidiladha sahaja. Ada juga dalam kalangan mereka yang berani meninggalkannya dengan sengaja dan terang-terangan. Kadangkala hanyalah disebabkan oleh perkara yang kecil seperti kerana bersukan, sibuk bekerja, membeli belah di pusat-pusat jualan atau dengan alasan terlalu letih. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melalui hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ibnu Majah:

العَهْدُ الَّذِي بَيْنَنَا وَبَيْنَهُمُ الصَّلَاةُ فَمَنْ تَرَكَهَا فَقَدْ كَفَرَ

**Yang bermaksud:** *“Perbezaan antara kami dengan mereka (orang kafir) adalah solat. Maka barangsiapa yang meninggalkannya maka dia telah kafir.”*

Dalam mensyarahkan hadis ini, Doktor Wahbah Al-Zuhaili mengatakan bahawa seseorang yang meninggalkan solat kerana mengingkari kefarduannya adalah murtad. Manakala mereka yang tidak solat kerana malas hukumnya adalah fasik dan berdosa besar. Manakala Imam al-Zahabi dalam kitabnya *al-Kabair* mengatakan bahawa orang yang meninggalkan solat fardhu lima waktu secara sengaja adalah berdosa besar dan wajib bertaubat.

Dosa meninggalkan solat juga akan menyebabkan seseorang itu dimasukkan ke dalam neraka. Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah al-Muddaththir ayat 42 hingga 43:

مَا سَلَكَكُمْ فِي سَقَرٍ ﴿٤٢﴾ قَالُوا لَمْ نَكُ مِنَ الْمُصَلِّينَ ﴿٤٣﴾



**Yang bermaksud:** “(Setelah melihat orang yang berdosa itu, mereka berkata): *"Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam (Neraka) Saqar?"* Orang yang berdosa itu menjawab, *"Kami dahulunya tidak termasuk dalam kumpulan orang yang mengerjakan solat..."*”

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala**

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda melalui hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad bahawa orang yang meninggalkan solat juga akan disiksa dengan dikumpulkan bersama Qarun, Firaun, Haman dan Ubay bin Khalaf.

Seseorang yang meninggalkan solat jiwanya selalu gelisah dan tidak tenang. Manakala orang yang melaksanakan solat jiwanya akan sentiasa tenteram dan damai. Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah al-Ma'arij ayat 19 hingga 23:

إِنَّ الْإِنْسَانَ خُلِقَ هَلُوعًا ﴿١٩﴾ إِذَا مَسَّهُ الشَّرُّ جَزُوعًا ﴿٢٠﴾ وَإِذَا مَسَّهُ الْخَيْرُ مَنُوعًا ﴿٢١﴾ إِلَّا الْمُصَلِّينَ ﴿٢٢﴾ الَّذِينَ هُمْ عَلَى صَلَاتِهِمْ دَائِمُونَ ﴿٢٣﴾

**Yang bermaksud:** “*Sesungguhnya manusia itu dijadikan bertabiat resah gelisah (lagi bakhil kedekut). Apabila dia ditimpa kesusahan, dia sangat resah gelisah. Dan apabila dia beroleh kesenangan, dia sangat bakhil. Kecuali orang yang mengerjakan solat. Iaitu mereka yang berterusan mengerjakan solat mereka.*”



## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Melaksanakan solat secara istiqamah akan memberi ketenangan serta kedamaian kepada hati orang yang sentiasa melaksanakannya kerana dalam solat adalah sebahagian daripada zikrullah. Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah al-Ra'd Ayat 28:

**Yang bermaksud:** *"(Iaitu) orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah". Ketahuilah dengan zikrullah itu akan mententeramkan hati.*

Oleh itu, marilah kita tanamkan tekad dalam diri dan menyeru ahli keluarga untuk terus bersama-sama istiqamah mendirikan solat fardu lima waktu. Berusaha untuk melakukan solat secara berjemaah di masjid atau surau. Sempurnakan solat kita dengan melakukan solat-solat sunat seperti solat sunat qabliyyah dan ba'diyyah. Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah Taha ayat 132:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأْمُرْ أَهْلَكَ بِالصَّلَاةِ وَاصْطَبِرْ عَلَيْهَا لَا نَسْأَلُكَ رِزْقًا نَحْنُ نَرْزُقُكَ وَالْعَاقِبَةُ

لِلنَّاقِي

**Yang bermaksud:** *"Dan perintahkanlah keluargamu serta umatmu mengerjakan solat dan hendaklah engkau tekun bersabar menunaikannya. Kami tidak meminta rezeki kepadamu, (bahkan) Kamilah yang memberi*



*rezeki kepadamu dan (ingatlah) kesudahan yang baik adalah bagi orang yang bertakwa.”*

بَارِكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.